

Dr. M bimbang budaya rasuah politik semakin serius

Utusan Malaysia: 26 May 2005

PUTRAJAYA 25 Mei - Tun Dr. Mahathir Mohamad melahirkan kebimbangan beliau terhadap budaya rasuah termasuk dalam parti-parti politik di negara ini yang didakwanya semakin serius. Menurut bekas Perdana Menteri, masalah itu memerlukan peranan yang lebih aktif daripada pemimpin-pemimpin parti, untuk menanganinya supaya tidak menjejaskan parti dan negara.



“Saya sangat bimbang dengan perkembangan ini kerana jika dibiarkan ia boleh menuju kepada satu budaya yang tidak baik kepada rakyat, negara dan parti sendiri.

“Kita tidak mahu ia memberi gambaran seolah-olah sekarang ini rakyat menerima budaya rasuah. Namun, saya tidak mahu membandingkan perkara ini dengan masa lalu tetapi mahu perkara itu segera diatasi,” katanya. Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyampaikan ucap-tama pada Seminar Perekayasaan Sosial di Yayasan Kepimpinan Perdana di sini hari ini. Dalam hal ini, katanya, pemimpin-pemimpin yang dipilih harus memastikan parti dan kerajaan bersih daripada individu yang cuba mengamalkan budaya tersebut.

“Mereka yang terpilih dalam parti perlu pastikan tidak ada perkara ini dan satu tindakan tegas perlu diambil,” ujarnya. Ditanya pandangan beliau sejauh mana amalan rasuah berlaku, Dr. Mahathir berkata, budaya tersebut mula terlihat dalam aspek-aspek yang berkaitan dengan urusan perniagaan dan projek-projek tertentu.

“Jika tidak ada tindakan, seseorang yang mahu menjalankan perniagaan dan sebagainya perlu membayar kepada individu tertentu. Bila semua kena bayar, harga sesuatu projek akan meningkat,” tambah beliau. Dalam perkembangan lain, Dr. Mahathir menyangkal dakwaan pihak-pihak tertentu bahawa sistem meritokrasi yang diamalkan sejak tiga tahun lalu merugikan pelajar bumiputera. Sebaliknya, beliau berkata, kerajaan perlu meneruskan sistem tersebut untuk kemasukan pelajar-pelajar bumiputera ke semua institusi pengajian tinggi awam (IPTA). Katanya, langkah itu penting untuk memantapkan daya saing pelajar-pelajar bumiputera agar tidak terlalu bergantung kepada bantuan atau kuota kerajaan untuk melanjutkan pelajaran.

“Sampai bila mereka mahu bergantung kepada kerajaan dan bila ada sistem ini mahu atau tidak bumiputera terpaksa bersaing. Kalau mereka pandai sekalipun kalau malas belajar, mereka gagal ke IPTA,” katanya.